

07 FEB 2003

MAHATHIR-MAS/I

KERAJAAN AKAN CARI JALAN KUMPUL DANA BELI PESAWAT AIRBUS

PUTRAJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini bahawa Kerajaan akan mencari jalan untuk mengumpul dana bagi membiayai cadangan pembelian enam pesawat Airbus untuk Malaysia Airlines (MAS).

Beliau berkata cadangan pembelian itu tidak boleh dibiayai dengan bayaran sekaligus.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia boleh mengumpul dana kerana kelak nya aset pesawat itu akan menjadi milik agensi kerajaan.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran e-Syariah, aplikasi perdana ketujuh di bawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dilaporkan baru-baru ini bahawa enam pesawat penumpang Airbus A380-800 yang akan dibeli oleh Penerbangan Malaysia Bhd (PMB), syarikat induk MAS, akan dihantar kepada syarikat penerbangan itu bermula pada 2007.

Tempahan harga pajakan bagi enam Airbus itu bernilai AS\$1.5 bilion (RM5.7 bilion), demikian seperti yang dilaporkan.

Perdana Menteri berkata kerajaan berpeluang menggunakan dana yang lebih murah.

"Kami akan mencari jalan mengumpulkan dana menerusi kerajaan," katanya.

Apabila ditanya sekiranya Kerajaan menimbangkan untuk menggunakan bon global bagi tujuan pembelian itu, beliau berkata: "Kami akan mencari jalan terbaik untuk membiayainya."

Dr Mahathir berkata pesawat itu kemudiannya akan dipajakan kepada MAS.

Sekiranya MAS memajak daripada syarikat pajakan lain, beliau berkata kosnya adalah tinggi kerana syarikat-syarikat ini perlu membayar kadar faedah yang tinggi.

Mengenai berita bahawa MAS sedang berunding dengan Boeing bagi mendapatkan pesawat baru, Perdana Menteri berkata syarikat penerbangan itu perlu mengkaji keperluan laluannya.

Antara pertimbangannya termasuklah keperluan bagi pesawat yang lebih pantas dengan kapasiti penumpang yang lebih kecil atau pesawat lebih besar dengan kapasiti penumpang yang lebih besar.

Dalam beberapa kes, jumlah hak mendarat adalah terhad.

Dilaporkan pada bulan lalu bahawa Boeing sedang mengadakan rundingan dengan MAS mengenai kemungkinan membekalkan syarikat pengangkut negara itu dengan pesawat komersil pasaran pertengahan (MOM).

Mengenai pelan pengembangan MAS baru-baru ini di mana MAS akan memajak lapan pesawat tambahan, Mahathir berkata PMB akan memajak (kepada MAS) apabila syarikat tersebut memerlukannya.

MAS, ketika mengumumkan pelan pengembangannya pada bulan lalu berkata pesawat tambahan itu yang terdiri daripada tiga B737s dan lima Airbus A330-200s, akan akan dipajak daripada PMB.

Pesawat baru itu akan menambahkan jumlah pesawat MAS kepada 107.

Apabila ditanya bila keputusan akan dibuat berhubung pemajakan itu, Dr Mahathir berkata ianya akan dibuat apabila terdapat permintaan. -- BERNAMA

LES SHO FR ZK